

Headline **Sendung gejala sosial remaja**
Date **18 Sep 2011**
MediaTitle **Sinar Harian (Pahang)**
Section **NEWS**
Journalist **N/A**
Frequency **Daily**
Circ / Read **60,000 /**

Language **Malay**
Page No **p18**
Article Size **677 cm²**
Color **Full Color**
ADValue **3,723**
PRValue **11,169**



Bendung gejala sosial remaja

Prostar laksana pelbagai program dalam usaha lahirkan remaja berwawasan

AZIZAH SHAFIEI

Masalah gejala sosial akibat keruntuhan akhlak dalam kalangan remaja yang boleh menjurus kepada penularan HIV semakin ketara dan membimbangkan.

Kajian mendapati ramai dalam kalangan remaja terjebak dengan aktiviti tidak bermoral seperti penyalahgunaan dadah dan seks bebas.

Perkembangan negatif ini sekiranya tidak dibendung segera akan menjadi lebih teruk dan sekali gus memburukkan lagi masalah berkaitan HIV dan AIDS di negara ini.

Justeru, kelab Prostar mengambil langkah serius dalam usaha membantu kerajaan membanteras masalah ini secara efektif.

Wartawan Sinar Harian, Azizah Shafiei menyingkap peranan Kelab Prostar Daerah Bera melalui aktiviti dan program mereka untuk membendung gejala sosial dan mengurangkan jangkitan HIV dan AIDS dalam kalangan remaja.

Ikuti temu bual bersama Yang Dipertua (YDP) Prostar Pahang, Datuk Mohd Rosmi Mohamad yang boleh dijadikan pengajaran kepada semua untuk bekerjasama membanteras HIV dan AIDS.

Headline **Sendung gejala sosial remaja**
Date **18 Sep 2011**
MediaTitle **Sinar Harian (Pahang)**
Section **NEWS**
Journalist **N/A**
Frequency **Daily**
Circ / Read **60,000 /**

Language **Malay**
Page No **p18**
Article Size **677 cm²**
Color **Full Color**
ADValue **3,723**
PRValue **11,169**

Soalan : Apakah peranan penubuhan Kelab Prostar?

Jawapan : Prostar adalah singkatan 'Program Sihat Tanpa Aids Untuk Remaja' yang diperkenalkan Kementerian Kesihatan Malaysia pada 1995 untuk membendung masalah gejala sosial remaja yang mendorong kepada peningkatan HIV dan AIDS.

Bagaimanapun, bermula 2009, 'Program Sihat Untuk Remaja' diperkenalkan yang mana bukan sahaja menumpukan sasaran untuk membanteras kedua-dua penyakit itu tetapi lebih kepada menggunakan pendekatan kempen cara hidup sihat.

Kempen ini tidak hanya akan memfokuskan untuk membendung jangkitan HIV dan AIDS, tetapi juga mahu golongan ini menjauhi dadah, arak, seks bebas serta penyakit lain berikutan impak dari aktiviti tidak sihat itu.

Antara objektif penubuhan ini adalah meningkatkan kesedaran serta pengetahuan remaja mengenai bahaya jangkitan HIV dan penyakit berjangkit lain, termasuk cara pencegahan dan pengawalannya.

Selain itu, mereka juga akan dibimbing dengan menyemai sikap positif dalam kalangan remaja supaya lebih prihatin terhadap masalah HIV dan lain-lain penyakit yang berkait rapat dengan gejala sosial.

Soalan : Apakah pendekatan yang digunakan Prostar untuk menarik remaja menyertai kelab ini?

Jawapan : Kita memahami golongan remaja lebih gemar melakukan aktiviti riadah yang ekstrem kerana mereka gemarkan cabaran.

Jadi, Prostar menggunakan pendekatan tersebut dengan melaksanakan kepelbagaian program yang lebih kepada aktiviti luar supaya mereka tidak mudah bosan dan memudahkan penyampaian objektif kepada golongan sasaran.

Sepanjang tahun ini, kita telah mengadakan bermacam-macam program tetapi bukanlah menumpukan pada sesi ceramah semata-mata tetapi memfokuskan kepada perkhemahan, aktiviti lasak dan ekstrem.

Bagi memberi lebih input, Prostar turut melibatkan jabatan dan agensi kerajaan dan badan bukan kerajaan seperti kelab permotoran

dan persatuan belia di daerah ini.

Melalui aktiviti tersebut, Prostar dapat mendekati golongan remaja dalam memberi input supaya mereka menyedari kesan bahaya gejala sosial.

KKM menyediakan modul bagi setiap program, jadi kita lebih mudah menyampaikan maklumat tersebut.

Aktiviti yang akan datang iaitu pada Oktober ini, kami merancang mengadakan program Kembara Prostar yang diadakan secara serentak di seluruh negeri ini mengikut zon.

Pada program itu, kami akan ke lokasi yang menempatkan anak-anak yatim atau warga emas untuk memberi peluang kepada ahli Prostar mendekati golongan tersebut dalam usaha mengembangkan lagi ilmu yang berkaitan.

Soalan : Bagaimanakah pencapaian ahli dengan pelaksanaan aktiviti sepanjang ia dijalankan?

Jawapan : Melalui semua aktiviti yang kita laksanakan, kita dapati ia banyak membantu mengurangkan gejala sosial yang semangnya tidak bermoral dalam kalangan remaja di negeri ini.

Bagi program yang berkaitan dengan Kelab Prostar Sekolah, semua peserta yang menyertai program tersebut menunjukkan prestasi yang memberangsangkan.

Daripada seorang yang pemalu dan hanya mementingkan diri sendiri, kini mereka berani berhadapan dengan orang ramai dan saling membantu antara satu sama lain.

Kesedaran mengenai bahaya penyakit berjangkit ini menjadikan mereka lebih menyayangi diri sendiri dan rakan sebaya.

Malah, mereka yang tamat zaman persekolahan tidak ketinggalan menyertai aktiviti yang dijalankan Prostar seperti Program Latihan Fasilitator bertujuan membantu ahli baru ini mengenai objektif Prostar.

Walaupun mereka melanjutkan pelajaran ke luar daerah ini, tetapi semangat mereka untuk membantu amat dihargai.

Headline **Sendung gejala sosial remaja**
Date **18 Sep 2011**
MediaTitle **Sinar Harian (Pahang)**
Section **NEWS**
Journalist **N/A**
Frequency **Daily**
Circ / Read **60,000 /**

Language **Malay**
Page No **p18**
Article Size **677 cm²**
Color **Full Color**
ADValue **3,723**
PRValue **11,169**

Soalan : Apakah harapan anda untuk meningkatkan keberkesanan pengurangan gejala sosial melalui Prostar?

Jawapan : Setakat ini, jumlah keahlian Prostar bagi negeri ini ialah 500 orang.

Sememangnya kita mengharapkan lebih ramai yang menjadi ahli kerana tiada had umur ditetapkan untuk menyertai kelab ini.

Lebih ramai yang menyertai, adalah lebih baik kerana ia dapat membantu menyebarkan lagi maklumat bagi membantu mengurangkan gejala sosial melibatkan remaja memandangkan mereka adalah bakal peneraju kepemimpinan pada masa akan datang.

Sudah pasti, kita mahu bakal pemimpin ini adalah pemimpin yang sihat supaya pembangunan dan kemakmuran dimiliki hari ini dapat terus dikekalkan untuk generasi akan datang.

Prostar mengalu-alukan individu yang berminat menyertai aktiviti dianjurkan, boleh mendaftar sebagai ahli dengan yuran keahlian sebanyak RM50 seumur hidup atau RM15 setiap tahun.

Mereka boleh mendapatkan borang pendaftaran di setiap Pejabat Kesihatan Daerah.



■ MOHD ROSMI

Headline **Sendung gejala sosial remaja**
Date **18 Sep 2011**
MediaTitle **Sinar Harian (Pahang)**
Section **NEWS**
Journalist **N/A**
Frequency **Daily**
Circ / Read **60,000 /**

Language **Malay**
Page No **p18**
Article Size **677 cm²**
Color **Full Color**
ADValue **3,723**
PRValue **11,169**



■ Mohd Rosmi (bertopi hitam) tidak ketinggalan menyertai program perkhemahan yang dijalankan Kelab Prostar di Tasek Bera, baru-baru ini.



■ Peserta kelab dalam salah satu aktiviti bergambar kenangan bersama Mohd Rosmi (berdiri, tiga, kiri).